

Pola Komunikasi Interpersonal antara Ibu Bapa dan Remaja Dalam Kalangan Keluarga B40

Pattern of Interpersonal Communication Between Parents and Adolescence among The B40 Family

Nur Ashikin Abdul Rahman & Khadijah Alavi*

*Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA*
*email: khadijah@ukm.edu.my

Published: 26 June 2023

To cite this article (APA): Abdul Rahman, N. A., & Alavi, K. (2023). Pattern of Interpersonal Communication Between Parents and Adolescence among The B40 Family: Pola Komunikasi Interpersonal antara Ibu Bapa dan Remaja Dalam Kalangan Keluarga B40. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 9(1), 1–11. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol9.1.1.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol9.1.1.2023>

ABSTRAK

Komunikasi interpersonal dipengaruhi oleh budaya dan persekitaran yang memberi kesan terdapat perkembangan psikososial seseorang individu. Corak komunikasi lebih mesra dan harmoni dengan kewujudan satu interaksi interpersonal yang mengekalkan keseimbangan sistem keluarga. Kajian ini telah dijalankan bertujuan untuk mengetahui tentang hubungan komunikasi interpersonal antara ibu bapa dan remaja B40 daripada pendekatan psikososial. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Sampel kajian ini terdiri daripada remaja B40 yang berumur 16-25 tahun di Sungai Petani dengan melibatkan seramai 109 orang. Kajian ini menggunakan alat pengukur *Revised Family Communication Patterns* (1990). Data kajian dianalisis menggunakan aplikasi SPSS. Dapatkan kajian menunjukkan responden mengamalkan kedua-dua bentuk komunikasi orientasi perbualan dan orientasi keakuran pada tahap yang tinggi dan seimbang. Kajian ini menunjukkan bahawa komunikasi yang digunakan dapat menjelaskan tahap perhubungan di antara ahli keluarga responden. Data kajian ini menunjukkan bahawa komunikasi yang diamalkan oleh remaja berpotensi untuk menjaga keharmonian dan kesejahteraan dalam hubungan ibu bapa dan anak dengan sentiasa menggalakkan perbincangan terbuka. Kajian ini juga mencadangkan program psikososial yang dapat membantu meningkatkan hubungan komunikasi di antara ibu bapa dan golongan remaja. Implikasi kajian ini ialah menjadi pelan strategi bagi menyokong pelan tindakan sedia ada dalam Dasar Keluarga Negara dalam usaha meningkatkan kesejahteraan keluarga.

Kata kunci: *Komunikasi interpersonal, strategi, psikososial, keluarga B40, ibu bapa, remaja*

ABSTRACT

Interpersonal communication is influenced by cultures and environments that affect an individual's psychosocial development. Communication patterns are more friendly and harmonious by creating an interpersonal interaction that maintains the balance in the family systems. This study was conducted to find out about the interpersonal communication relationship between B40 parents and adolescents from a psychosocial approach. This study used a qualitative design and was analysed using descriptive and inferential analysis. The sample of this study consisted of B40 adolescents aged 16 to 25 years in Sungai Petani District involving a total of 109 respondents. This study used the instrument tool of the Revised Family Communication Pattern (1990). Data analysed using the SPSS application. The findings of the study showed that the respondents practiced both forms of conversational orientation and conformity orientation communication at a high and balanced level. This study shows that the communication used can explain the level of relationship between the family members of the

respondents. The data of this study indicate that the communication practiced by adolescence has the potential to maintain harmony and well-being in the parent-children relationship by encouraging open discussion. The suggestion of this study shows that a psychosocial program can help improve communication relationships between parents and adolescents among the B40 family. The implication of this study is to be a strategic plan to support the existing action plan in the National Family Policy in an effort to improve family well-being.

Keywords: *interpersonal communication, pattern, psychosocial, B40 family, parents, adolescence*

PENGENALAN

Komunikasi keluarga perkara asas yang utama dalam membentuk penyesuaian perkembangan psikososial remaja dan remaja terutamanya dalam keluarga yang berpendapatan rendah atau dikategorikan sebagai golongan B40. Golongan B40 ditakrif sebagai keseluruhan pendapatan semua ahli isi rumah sebanyak RM 4000 dan ke bawah daripada punca pendapatan dalam tempoh rujukan satu tahun (Shahriman, 2020). Psikososial remaja merangkumi kemampuan mereka untuk menyesuaikan diri dengan risiko, daya tahan yang tinggi dan pencapaian terhadap sesuatu perkara. Menurut Starfield et al. (1993) individu yang mempunyai tahap kesihatan yang baik, prestasi akademik dan estim kendiri yang tinggi mampu mewujudkan penyesuaian diri terhadap persekitaran ahli keluarga, pengaruh rakan sebaya dan risiko keselamatan (Zhiwen et al. 2011). Bagi individu yang sebaliknya, jika berlaku masalah dalam hubungan komunikasi antara ibu bapa dan remaja, ini akan menyebabkan psikososial remaja tidak dapat berkembang dengan baik sehingga sukar untuk mereka mencapai kepuasan dalam melakukan sesuatu perkara.

Corak komunikasi dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu komunikasi lisan, bukan lisan dan bertulis. Komunikasi lisan dianggap penting agar maklumat setiap mesej yang disasarkan tercapai dengan komunikasi lisan yang jelas. Komunikasi lisan boleh dilakukan untuk menjelaskan sesuatu isu, memberi maklum balas, berunding sesuatu perkara dan sebagainya (Khadijah & Maizatul, 2017). Definisi komunikasi berbentuk lisan ialah satu corak komunikasi yang melibatkan kata-kata secara lisan dan langsung kepada individu yang mendengar. Lazimnya, komunikasi secara lisan dapat digunakan dengan cara bersemuka mengikut kesesuaian peribadi. Sebarang pemikiran, idea atau keputusan mudah disampaikan secara komunikasi lisan kerana pendengar akan lebih mudah untuk memahami setiap maklumat dan perkara yang ingin disampaikan (Tri Indah, 2015). Komunikasi lisan merupakan suatu kemahiran yang diperlukan untuk perkembangan peribadi serta meningkatkan hubungan interaksi manusia. Sekiranya komunikasi lisan dapat disampaikan dengan tepat dan jelas, maka ia akan memudahkan proses komunikasi dalam kehidupan sehari-hari manusia di samping membolehkan individu mengaktifkan pemikiran dan mencipta kreativiti mereka. Selain itu, komunikasi bukan lisan adalah sistem yang melibatkan pelbagai ciri yang sering digunakan bersama untuk menyokong komunikasi lisan. Komponen utama sistem ini menurut Tarjani Sheth (2017) adalah bahasa badan, isyarat sentuhan, sentuhan mata, penggunaan masa ketika berbual, nada suara, kelantangan dan bahasa badan. Komunikasi bukan lisan adalah lebih penting daripada komunikasi lisan kerana komunikasi jenis ini lebih mewujudkan kedekatan interpersonal. Melalui intonasi suara yang lembut dan air muka yang tersenyum misalnya, boleh membuatkan individu berasa tenang dan menyenangi interaksi yang berlaku. Hal ini boleh menggalakkan individu menjadi pendengar yang baik, seterusnya mewujudkan komunikasi interpersonal yang berkesan. Komunikasi bertulis pula adalah komunikasi yang menggunakan tulisan dalam bahasa yang difahami menerusi medium seperti memorandum, surat-menyurat melalui pos, telegram, faks, e-mel, sms, whatsapp dan sebagainya.

Komunikasi interpersonal yang baik dan berkesan merupakan perkara utama bagi mewujudkan kesejahteraan keluarga yang baik. Menurut Barnes dan Olson (1985) serta Noraini et al., (2019) hubungan kekeluargaan akan menjadi lebih rapat apabila komunikasi yang baik digunakan antara ibu bapa dan remaja. Selain itu, wujud hubungan kasih sayang yang lebih baik sehingga memudahkan proses menyelesaikan sesuatu masalah yang wujud dalam keluarga (Zainuddin, 2013). Kajian Bronstein (1994) dalam Che Hasniza dan Fatimah (2011) menunjukkan interaksi di antara ibu bapa dan remaja mempunyai kaitan dengan perkembangan dalaman yang melibatkan sosial dan emosi mereka. Ini menunjukkan ibu bapa yang sentiasa memberi dorongan setiap perkara yang dilakukan dapat menyebabkan tingkah laku remaja menjadi produktif, asertif dan ekspresif. Manakala ibu bapa yang

sentiasa menghukum boleh menyebabkan anak-anak menjadi seorang yang pasif dan memberontak. Perkara ini akan menyebabkan berlaku masalah terhadap perkembangan psikososial remaja untuk berkembang apabila terdapat masalah komunikasi dalam keluarga.

Golongan remaja yang melakukan masalah sosial adalah disebabkan oleh corak komunikasi interpersonal di antara ibu bapa dan remaja. Masalah komunikasi yang dihadapi telah menyebabkan remaja lebih gemar menceritakan masalah bersama rakan sebaya mereka. Hal demikian kerana, masa mereka lebih banyak terluang bersama dengan rakan-rakan berbanding ibu bapa. Perkara ini mungkin berlaku kerana ibu bapa yang terlalu tegas dalam berkomunikasi sehingga hubungan mereka menjadi renggang dan anak-anak takut untuk meluahkan perasaan (Nurhamizah & Asbah 2019; Safinah et al. 2020). Demikian menunjukkan ibu bapa gemar menggunakan corak komunikasi keakuratan yang berbentuk sehalia.

Selain itu, ibu bapa yang terlalu sibuk dengan bekerja sehingga tidak dapat meluangkan masa bersama anak-anak juga adalah faktor yang boleh menyebabkan berlakunya masalah komunikasi dalam keluarga. Demikian kerana, masa yang diluangkan bersama anak-anak adalah terhad untuk mendengar setiap masalah yang dihadapi sehingga menyebabkan mereka merasa sunyi dan tiada tempat untuk mengadu perasaan. Namun, perkara yang dibimbangkan adalah apabila banyak masa yang telah diluangkan bersama rakan-rakan sebaya sehingga mendorong remaja melakukan perkara-perkara yang menyebabkan kepada tingkah laku negatif dan pelbagai masalah sosial (Zainudin & Norazmah, 2011). Perkara ini disokong oleh kajian Jackson et al. (1998) yang menyatakan komunikasi yang kurang baik dapat memberikan kesan negatif terhadap perkembangan tingkah laku anak-anak. Manakala Conger & Peterson (1984) mendapati bahawa gangguan komunikasi yang disebabkan oleh keluarga yang bermasalah boleh menyebabkan remaja menderita dengan penyakit mental dan masalah dalam melibatkan psikologi yang teruk (Che Hasniza, 2006).

Menurut Safinah et al. (2020) cabaran utama komunikasi ibu bapa dengan anak-anak dalam keluarga Muslim di Selangor berpunca daripada faktor personaliti ibu bapa itu sendiri dan persekitaran keluarga tersebut. Kegagalan ibu bapa memahami kehendak anak-anak zaman moden, kesibukan tugas dan kehidupan harian, kelemahan diri dalam mengawal emosi dan kebijaksanaan dalam menggunakan kaedah pola komunikasi dengan anak-anak lelaki dan perempuan serta peringkat umur berbeza juga mempengaruhi pola komunikasi ibu bapa dan remaja. Kesemua faktor ini mempengaruhi komunikasi interpersonal antara ibu bapa dan anak-anak. Manakala anak-anak juga gagal memahami mesej yang ingin disampaikan oleh ibu bapa, terlalu leka dengan penggunaan gajet, permainan *game* sehingga tidak fokus kepada komunikasi antara ibu bapa dan anak serta anak-anak juga sangat sibuk dengan pelbagai urusan lain. Faktor persekitaran sosial juga memainkan peranan penting dalam komunikasi *interpersonal* antara ibu bapa dan anak-anak. Pengaruh rakan sebaya dan rakan media sosial sebagai penasihat anak-anak dalam zaman milenium ini di luar kawalan ibu bapa kerana anak-anak boleh berhubung dengan rakan di luar rumah tanpa sempadan. Penggunaan internet dan gajet ada di tangan semua anak, sehingga ibu bapa kurang kesedaran dan kawalan. Corak komunikasi media sosial pula mampu mempengaruhi jiwa dan sahsiah anak-anak.

Remaja lebih selesa berkongsi masalah bersama rakan-rakan berbanding ibu bapa yang dapat menyebabkan berlakunya konflik dalam berkomunikasi (Syazwani et al., 2020). Walau bagaimanapun, konflik yang berlaku dalam kehidupan dapat diselesaikan dengan strategi konflik yang sesuai, ini dapat menimbulkan kesan positif terhadap perhubungan (Norazlina et al., 2017). Komunikasi yang kurang berkesan dapat mewujudkan konflik dalam keluarga dan sukar untuk menyelesaikan konflik yang berlaku (Ignace, 2014). Ibu bapa dan remaja mempunyai masalah untuk menyelesaikan konflik dalam keluarga kerana mereka kurang sedar terhadap kepentingan memilih corak komunikasi yang betul. Hal ini boleh menyebabkan konflik berlarutan sekali gus mengakibatkan hubungan kekeluargaan menjadi semakin renggang. Selain itu kebanyakan komuniti di bandar kurang menjalankan program kekeluargaan yang melibatkan ibu bapa dan remaja B40 ini. Hubungan kekeluargaan dapat disatukan melalui program yang dianjurkan dalam komuniti setempat. Kawasan Sungai Petani yang ditinjau, dilihat kurang mempunyai program bersifat kekeluargaan sehingga tiada alternatif yang dapat dilakukan bagi meningkatkan hubungan komunikasi antara ibu bapa dan remaja B40. Demikian, merupakan satu cabaran bagi mengekalkan hubungan keluarga yang harmoni dan komunikasi yang baik tidak dapat dicapai. Di samping itu, di dalam Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dilihat kurangnya pekerja sosial untuk membantu dalam mencipta program dan aktiviti untuk komuniti.

Walaupun terdapat pegawai pembangunan masyarakat namun program bagi komuniti setempat kurang diadakan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Corak komunikasi keluarga (*family communication pattern*) mengandaikan bahawa komunikasi interpersonal antara ibu bapa dengan anak berbeza-beza berasaskan kepada pembentukan keluarga tersebut. Pola komunikasi keluarga terdiri daripada empat jenis iaitu *consensual, pluralistic, protective dan Laissez-faire*. Menurut Koerner & Fitzpatrick (2002) keluarga yang mempunyai corak komunikasi *consensual* menghargai perbualan secara terbuka dan wujud pematuhan dalam unit keluarga. Keluarga yang menggunakan pendekatan *consensual*, akan berkomunikasi secara bebas tentang pemikiran, perasaan dan aktiviti tetapi pada masa yang sama ibu bapa akan membuat keputusan dalam penetapan isu penting. Pola komunikasi ini menghabiskan banyak masa dalam menerangkan keputusan, nilai dan kepercayaan; manakala anak-anak mereka belajar menghargai perbualan dan sering mengamalkan sistem nilai keluarga yang harmoni. Ibu bapa menggalakkan anak-anak menyuarakan pandangan, pendapat dan perbualan melibatkan pelbagai topik. Keluarga seperti ini berusaha untuk mengelak konflik dan mengakui struktur hierarki di mana ibu bapa membuat keputusan untuk Keluarga pola pluralistik pula berorientasikan perbualan dan menjauhi kepatuhan. Ibu bapa dalam keluarga ini mengharapkan anak-anak mereka berkembang melalui interaksi dengan orang di luar dari unit keluarga asas (Koerner 2006 dan Fitzpatrick 1994). Keputusan bersama sebagai satu ahli keluarga dan cara penyelesaian masalah adalah secara konflik terbuka, ahli keluarga tidak takut dengan perselisihan faham sehingga mampu membangun strategi yang baik dalam penyelesaian masalah. Pembentukan sahsiah anak-anak yang berdikari dan mereka mempunyai keyakinan terhadap keupayaan dalam membuat keputusan.

Keluarga pola pelindung (*protective*) pula tidak menghargai perbualan terbuka dan orientasi kepatuhan. Menurut Koerner & Fitzpatrick (2006) kanak-kanak diharapkan mematuhi ibu bapa mereka dan ibu bapa tidak akan berkongsi alasan sesuatu keputusan yang diambil. Persengketaan atau konflik dalam keluarga agak rendah kerana interaksi adalah berorientasikan kesesuaian dengan norma dan nilai keluarga. Jika berlaku konflik, corak keluarga ini tidak bersedia untuk menghadapi situasi persengketaan dalam keluarga. Secara umum, kanak-kanak daripada keluarga corak pelindung tidak belajar mempercayai keupayaan mereka sendiri untuk membuat keputusan. Manakala pola *laissez-faire* ialah di mana keluarga tidak menghargai perbualan dan kepatuhan (Koerner & Fitzpatrick 2006). Ahli keluarga boleh dianggap mempunyai sifat bercerai dari segi emosi antara satu sama lain. Tidak banyak perbincangan berlaku dalam pengambilan keputusan dalam keluarga. Ibu bapa tidak mempunyai minat atau membuat pelaburan dalam pengambilan keputusan untuk pembangunan anak-anak mereka. Kecenderungan konflik jarang berlaku dalam keluarga ini kerana masing-masing ahli keluarga membuat keputusan sesuka hati (Russell, 2013). Kanak-kanak dalam keluarga ni tidak mempelajari nilai perbualan dan corak komunikasi kurang mendapat sokongan sehingga mereka kurang berkeupayaan dalam membuat keputusan dalam kehidupan harian.

Jurang kajian ini mendapati bahawa kajian lepas yang lebih menumpukan kepada kajian mengenai gaya keibubapaan dan berkaitan pencapaian akademik remaja. Namun, kurang kajian yang menekankan tentang hubungan komunikasi interpersonal antara ibu bapa dan remaja. Antara kajian lepas yang dijalankan oleh Arvin & Akmar (2016) iaitu mengenai pola komunikasi dan gaya keibubapaan dengan tahap penguasaan komunikasi interpersonal terhadap pelajar di institusi pengajian tinggi. Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh (Hamizah & Asbah 2019) pula lebih tertumpu kepada teknologi media massa dalam komunikasi ibu bapa dan anak. Justeru, dalam kajian ini, pengkaji menumpukan hubungan komunikasi interpersonal dan strategi pengurusan konflik antara ibu bapa dan remaja B40 daripada perspektif psikososial. Kajian ini perlu dijalankan bagi memberikan pendedahan kepada ibu bapa dan remaja B40 mengenai pentingnya hubungan komunikasi bagi membentuk perkembangan psikososial yang lebih matang. Kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan hubungan komunikasi dalam keluarga terutama semasa zaman kanak-kanak membantu negara dalam membina modal insan yang cemerlang dan produktif. Pendedahan yang diberikan kepada remaja B40 melalui kajian ini membolehkan golongan ini menjadi lebih peka terhadap komunikasi interpersonal dengan ibu

bapa bagi mewujudkan kesejahteraan keluarga yang baik. Hal ini kerana, perkara asas dalam kesejahteraan keluarga bermula dengan komunikasi dalaman yang berkesan dan menggalakkan interaksi bersemuka dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang berlaku. Secara tidak langsung kesejahteraan dan kualiti hidup golongan remaja dan hubungan baik dengan ibu bapa dapat mengurangkan banyak gejala sosial yang berleluasa dalam masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berpandukan pendekatan survei. Chua (2011) mendefinisikan kajian tinjauan sebagai penyelidikan bukan eksperimen dengan menggunakan borang soal selidik kepada sampel kajian. Kaedah ini menggunakan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada golongan remaja B40 yang berumur antara 16-25 tahun yang terdapat di Sungai Petani, Kedah. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti corak komunikasi interpersonal dan strategi konflik antara ibu bapa dan remaja B40. Kaedah kuantitatif ini dipilih kerana sampelnya yang ramai dan memudahkan dalam melakukan kajian. Populasi bagi kajian ini adalah seramai 1000 orang remaja B40 yang berumur dari 16-25 tahun yang memerlukan seramai 278 sampel berdasarkan jadual penentuan saiz sampel yang dirangka oleh Cohen et al (2001). Namun, pengkaji dapat mencapai 109 orang untuk dijadikan sampel kerana tempoh kajian pendek. Pengkaji akan mengedarkan sebanyak 109 unit borang soal selidik kepada responden yang terlibat. Pemilihan sampel merupakan salah satu aspek yang perlu diambil kira dalam membuat penyelidikan. Instrumen yang digunakan adalah skala pengukuran yang diadaptasi daripada *Revise Family Communication Pattern* (RFCP) oleh Ritchie & Fitzpatrick (1990). Aziyah (2016) mendapatkan nilai kebolehpercayaan bagi alat ukur ini adalah tinggi iaitu 0.89. Instrumen ini dapat mengenal pasti pola komunikasi interpersonal antara ibu bapa dan remaja B40. Sebanyak 26 soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini dan kesemua soalan berbentuk skala Likert iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju, (4) sangat setuju. Skala Likert yang digunakan empat mata bagi membantu responden memilih dikotomi mudah tanpa pernyataan “*neutral/tidak pasti*” (Croasmun & Ostrom, 2011) . Kajian ini memilih secara rawak mudah kerana ingin mengetahui secara keseluruhan tentang pola komunikasi interpersonal antara ibu bapa dan remaja B40 daripada pendekatan psikososial.

Proses pengumpulan data bagi kajian ini dimulakan dengan pengkaji memohon kebenaran daripada penyelia bagi menjalankan kajian. Setelah permohonan diluluskan, pengkaji seterusnya akan mengedarkan borang soal selidik kepada remaja B40 di kawasan Taman Ria, Sungai Petani melalui *google form*. Penyelidik telah meletakkan arahan pada bahagian soalan bagi memudahkan responden menjawab soalan di dalam borang soal selidik. Selain itu, untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan mengelakkkan borang soal selidik menjadi kosong, pengkaji menetapkan bahawa setiap ruangan yang kosong perlu diisi sebelum membolehkan mereka menjawab soalan seterusnya. Oleh itu, pengkaji membuat analisis apabila maklumat yang diperolehi tepat berdasarkan bilangan sampel yang diperlukan iaitu seramai 109 orang remaja B40. Analisis ini juga digunakan untuk mengenal pasti profil remaja B40 di Sungai Petani Kedah, mengenal pasti

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pola Komunikasi Interpersonal Keluarga

Komunikasi interpersonal dalam keluarga merupakan aspek yang penting bagi perkembangan seseorang remaja. Dalam kajian ini, komunikasi interpersonal merujuk kepada bentuk komunikasi yang digunakan oleh ibu bapa dan remaja dalam berkomunikasi kerana ini dianggap aspek yang perlu dititikberatkan dalam perhubungan keluarga yang harmoni. Kajian ini diukur dengan menggunakan skala pengukuran *Revise Family Communication Pattern* (RFCP) oleh Ritchie & Fitzpatrick (1990) yang diadaptasikan oleh Aziyah Bakar (2016). Jadual 1 menunjukkan corak komunikasi interpersonal keluarga antara ibu bapa dan remaja B40 melalui orientasi berbentuk perbualan.

Corak komunikasi keluarga berorientasikan perbualan dibahagikan kepada dua tahap iaitu tahap rendah dan tinggi. Tahap tinggi dan rendah ditentukan melalui *Statistical Package for the Social*

Sciences (SPSS) berdasarkan kutipan data daripada borang soal selidik. Walau bagaimanapun, tahap tinggi dan rendah bagi orientasi perbualan merujuk kepada kekerapan yang dipilih oleh responden melalui borang soal selidik. Penemuan kajian ini mendapati bahawa corak komunikasi keluarga responden berorientasikan perbualan menunjukkan di tahap yang tinggi dan sering digunakan iaitu sebanyak 88.1 peratus manakala corak yang berorientasikan perbualan rendah hanya 11.9 peratus. Keputusan kajian ini selaras dengan penemuan Dumloa & Botta (2000) menyatakan orientasi perbualan tinggi merujuk kepada perbincangan yang bebas dan terbuka seperti dalam kalangan keluarga barat. Keluarga masyarakat barat menggunakan orientasi perbualan tinggi kerana mereka lebih bersikap terbuka dengan anak-anak dari segi kebebasan menyatakan pendapat, perbincangan dan bertolak ansur dalam setiap aktiviti yang ingin dilakukan.

Jadual 1: Corak komunikasi orientasi perbualan mengikut kategori (n=109)

Corak komunikasi interpersonal keluarga	Kekerapan (n=109)	Peratus (%)
Orientasi perbualan		
Rendah	13	11.9
Tinggi	96	88.1
Min = 2.97		
SP = .482		

Jadual 2 menunjukkan taburan bagi responden berdasarkan corak komunikasi orientasi keakuran. Hasil analisis kajian ini menunjukkan jumlah skor min yang diberikan untuk item yang tertinggi adalah pada kenyataan “Ibu bapa saya selalu berkata “awak akan lebih memahami sesuatu perkara apabila awak dewasa nanti” dengan nilai Min=3.45. Melalui pernyataan ini ibu bapa menginginkan anak-anak untuk menerima setiap pendapat dan keputusan yang telah ditetapkan oleh mereka berdasarkan pengalaman yang telah mereka lalui. Sekiranya anak-anak ingin menyatakan pandangan ia mungkin dihalang kerana dianggap belum mencapai umur dewasa. Seterusnya adalah kenyataan “anak-anak tidak boleh melawan cakap orang tua” (Min=3.41). Dalam konteks ini, sudah menjadi budaya masyarakat Melayu untuk sentiasa bersikap hormat kepada orang yang lebih tua. Jadi bagi mengelakkan berlakunya pertengkaran, anak-anak tidak boleh melawan dan membantah keputusan yang dibuat oleh orang tua. Ini diikuti dengan kenyataan “Apabila berada di rumah, saya diharapkan patuh kepada peraturan ibu bapa” (Min=3.19). Kepatuhan anak-anak telah dibentuk dalam keluarga yang sentiasa berkomunikasi dengan orientasi keakuran. Hal ini bagi mengelak anak-anak daripada membantah keputusan yang telah ditetapkan dalam mendisiplinkan mereka.

Nilai skor yang terendah pula (Min=2.37) ialah pada kenyataan “Ibu bapa saya selalu berkata, idea mereka betul dan awak tidak sepatutnya mempersoalkannya”. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa telah menetapkan bahawa anak-anak perlu sentiasa menghormati keputusan yang dibuat dan tiada sebab untuk membantah dan menyoal setiap keputusan yang dibuat oleh mereka. Pada pandangan ibu bapa, keputusan yang dibuat adalah untuk kebaikan setiap anak-anak.

Jadual 2: Taburan corak komunikasi berbentuk keakuran (n=109)

	Soalan	STS	TS	S	SS	Min
1.	Ibu bapa saya selalu berkata “anak-anak tidak boleh melawan cakap orang tua.”	0	6	52	51	3.41
2.	Ibu bapa saya selalu berkata “awak akan lebih memahami sesuatu perkara apabila awak dewasa nanti.”	0	4	52	53	3.45
3.	Apabila berada di rumah, saya diharapkan patuh kepada peraturan ibu bapa.	1	12	61	35	3.19
4.	Keluarga mengharapkan saya patuh tanpa menyoal apabila melibatkan perkara penting	3	27	55	24	2.92
5.	Dalam keluarga, ibu bapa selalu memberi kata putus tentang semua perkara.	6	38	40	25	2.77
6.	Apabila ibu bapa saya tidak bersetuju tentang sesuatu, mereka tidak ingin mengetahui tentangnya.	13	47	35	14	2.46
7.	Ibu bapa saya selalu berkata “ada sesetengah perkara yang kita tidak boleh bincangkannya.”	12	31	47	19	2.67
8.	Ibu bapa saya selalu berkata “awak tidak sepatutnya berhujah sehingga membuatkan orang marah.”	8	32	42	28	2.82
9.	Ibu bapa saya berasakan penting untuk menjadi ketua	6	25	51	27	2.91
10.	Ibu bapa saya kadang-kadang menjadi marah apabila pandangan saya berbeza daripada mereka.	8	55	32	14	2.48
11.	Ibu bapa saya selalu berkata ”idea saya betul dan awak tidak patut mempersoalkannya”.	14	51	34	10	2.37

Komunikasi Interpersonal (Orientasi Perbualan dan Orientasi Keakuran)

Hasil kajian ini menunjukkan pola komunikasi interpersonal berorientasikan perbualan remaja B40 adalah pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan sebilangan besar remaja B40 di Taman Ria, Sungai Petani, menggunakan bentuk komunikasi orientasi perbualan yang lebih tinggi ketika berkomunikasi dengan ibu bapa. Oleh hal demikian, komunikasi interpersonal keluarga di antara ibu bapa dan remaja adalah di tahap yang baik kerana mereka menggunakan orientasi perbualan bersifat terbuka dalam menyatakan pendapat dan berbincang terhadap sesuatu permasalahan. Komunikasi yang baik adalah kunci terjaganya keharmonian dalam keluarga sejahtera (Oban Sobandi, 2017). Hasil dapatan ini disokong oleh Dumloa & Botta (2000) yang menyatakan orientasi perbualan tinggi dalam kalangan keluarga barat kerana keluarga barat yang lebih bersikap terbuka dengan anak-anak mereka dari segi pendapat, perbincangan terbuka dan sentiasa bertolak ansur dalam setiap aktiviti yang dilakukan. Walau bagaimanapun, menurut Narimah et al., (2008) ibu bapa yang menggunakan orientasi perbualan di tahap

yang rendah kurang mempunyai hubungan mesra dengan anak-anak. Manakala, keluarga yang mengutamakan orientasi perbualan yang tinggi akan lebih bersikap mesra dan selesa bersama anak-anak. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa remaja B40 di Taman Ria, Sungai Petani lebih selesa berkomunikasi bersama ibu bapa kerana wujudnya orientasi perbualan yang tinggi dalam keluarga mereka.

Hasil kajian ini juga turut disokong oleh Koerten & Anderson (2004) yang mendapati bahawa orientasi perbualan yang tinggi dalam keluarga akan mewujudkan anak-anak yang dapat menangani konflik dengan lebih baik sekiranya mereka dibesarkan dalam keluarga yang menggunakan orientasikan perbualan yang tinggi. Kajian ini telah menunjukkan betapa pentingnya corak komunikasi keluarga dengan sentiasa memberi sokongan sosial kepada anak dengan menggunakan kemahiran komunikasi interpersonal yang baik. Selain itu, hasil kajian dalam konteks orientasi perbualan dalam keluarga sangat berkait rapat dengan sokongan sosial keluarga bagi anak-anak. Seperti yang dinyatakan oleh Koerner & Cvancara (2002), orientasi perbualan menyebabkan sokongan sosial yang besar dalam institusi keluarga. Hal ini menunjukkan bahawa sokongan sosial menjadi aspek yang penting dalam menyumbang kepada tingkah laku remaja yang positif. Sekiranya keluarga memperoleh skor yang lebih tinggi dalam orientasi perbualan, anak dalam keluarga tersebut mempunyai sokongan sosial yang baik, selesa dan cenderung untuk membincangkan topik sensitif dengan ibu bapa mereka (Booth-Butterfield & Sidelinger, 1998).

Selain itu, hasil bagi analisis orientasi keakuran dalam kalangan keluarga remaja B40 ini juga menunjukkan di tahap yang tinggi. Keluarga remaja B40 di Taman Ria, Sungai Petani menggunakan orientasi keakuran yang mana komunikasi ini bersifat mengawal tingkah laku anak-anak. Menurut Narimah et al. (2008), sebahagian ibu bapa daripada keluarga petani memberikan penekanan terhadap komunikasi berbentuk keakuran semasa berkomunikasi dengan anak-anak. Hal ini adalah untuk memberi teguran di samping membentuk tingkah laku anak-anak agar menjadi seseorang yang berdisiplin. Kajian ini juga mendapati bahawa peranan komunikasi ibu bapa adalah untuk mendidik psikososial anak-anak agar menjadi lebih baik (Aziyah, 2016). Justeru, ibu bapa yang sering menggunakan corak komunikasi yang menumpukan kepada keakuran sahaja, akan lebih berdisiplin, bersikap tegas dan mengawal perilaku sehingga mewujudkan anak-anak yang pendiam dan memberontak (Keating, 2016).

Berdasarkan kepada skor hasil kajian yang diperolehi daripada responden remaja B40 di Taman Ria, Sungai Petani terhadap komunikasi interpersonal yang digunakan berdasarkan corak komunikasi orientasi perbualan dan orientasi keakuran, mendapati keluarga remaja B40 dalam kajian ini menggunakan kedua-dua corak komunikasi. Melalui skor ini dapat dilihat bahawa responden kajian ini boleh dikategorikan dalam keluarga jenis konsensual. Keluarga konsensual adalah lebih memberi keutamaan terhadap kedua-dua pola komunikasi orientasi perbualan dan orientasi keakuran iaitu keluarga jenis konsensual ini sangat menggalakkan setiap ahli keluarga termasuk anak-anak untuk terlibat dalam menyumbang idea dan pandangan dalam konflik keluarga (Noller & Fitzpatrick, 1993). Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama anak-anak perlu mematuhi terhadap peraturan dan arahan yang ditetapkan oleh ibu bapa. Hal ini menunjukkan bahawa, walaupun wujud perbincangan terbuka namun anak-anak masih perlu mempunyai sikap hormat kepada ibu bapa. Ini menunjukkan bahawa keluarga jenis konsensual cenderung menggunakan komunikasi ini secara seimbang dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pola komunikasi keluarga dalam kajian ini berorientasikan perbualan dan keakuran pada tahap tinggi. Ibu bapa yang menggunakan orientasi perbualan dan keakuran yang sama tinggi adalah untuk mendidik mereka agar menjadi anak seorang yang bersahsiah tinggi. Hal ini kerana, komunikasi perbualan yang tinggi dapat mengeratkan lagi perhubungan keluarga. Impaknya anak-anak merasa lebih selesa untuk berinteraksi dan berkongsi perasaan dengan ibu bapa. Manakala orientasi keakuran yang tinggi dalam sesebuah keluarga merupakan satu cara untuk mendisiplinkan anak-anak agar tetap mempunyai rasa hormat kepada kedua ibu bapa (Chao, 2001).

Dapatan kajian menunjukkan hubungan komunikasi interpersonal antara ibu bapa dan remaja B40 daripada pendekatan psikososial merujuk kepada perubahan dalam kehidupan seseorang individu, baik psikologi dan sosial yang mempunyai kesan timbal balik. Hubungan komunikasi dan interaksi keluarga mempunyai kesan timbal balik kepada perkembangan psikososial belia. Domain psikososial dapat mengambarkan perhubungan antara interaksi sosial dengan kesihatan mental dan emosi individu. Berdasarkan hasil dapatan terhadap komunikasi interpersonal remaja B40 dalam kajian ini

menunjukkan bahawa keluarga yang mempunyai tahap sosioekonomi kategori sederhana lebih cenderung menggunakan komunikasi berbentuk perbualan dan orientasi keakuratan pada tahap yang tinggi. Hasil kajian ini bertentangan dengan kajian oleh Narimah (1994) yang mendapat lazimnya bentuk komunikasi orientasi perbualan lebih cenderung digunakan dengan kadar yang tinggi oleh keluarga yang mempunyai pendapatan yang baik berbeza dengan ibu bapa yang mempunyai pendidikan dan berpendapatan rendah. Dapatkan kajian ini mendapat bahawa kebanyakan ibu daripada keluarga responden merupakan seorang suri rumah dan bapa pula kebanyakannya berpendidikan serta mempunyai pekerjaan dengan pendapatan dalam kategori B40. Perkara ini menunjukkan bahawa status tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi pemilihan bentuk komunikasi yang baik. Melalui hasil kajian ini dapat dilihat bahawa ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang baik lebih memilih untuk menggunakan kedua-dua orientasi perbualan dan keakuratan dengan seimbang. Oleh itu, keluarga remaja B40 di Taman Ria, Sungai Petani mampu mengadakan perbincangan dengan anak-anak dan tegas dalam sesetengah aspek. Menurut kajian Che Hasniza & Fatimah (2011) dan Syazwana et al. (2019) komunikasi keluarga dapat ditentukan oleh tahap pendidikan ibu bapa iaitu semakin tinggi status sosioekonomi keluarga maka semakin tinggi penggunaan orientasi perbualan. Manakala semakin rendah status sosioekonomi keluarga maka semakin tinggi penggunaan orientasi keakuratan dalam keluarga. Hal ini menunjukkan sedikit pertentangan dengan kajian pengkaji yang mana keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah juga mampu memilih komunikasi interpersonal yang baik dalam keluarga.

KESIMPULAN

Hasil kajian dirumuskan bahawa keluarga remaja B40 dalam kajian ini mengamalkan kedua-dua pola komunikasi iaitu orientasi perbualan dan orientasi keakuratan pada tahap yang seimbang. Keluarga yang menggunakan kedua-dua pola komunikasi ini secara seimbang dikategorikan sebagai keluarga jenis konsensual yang mana mereka lebih menumpukan terhadap kedua-dua bentuk komunikasi orientasi perbualan dan orientasi keakuratan. Responden berasa lebih selesa apabila saling berinteraksi dan berkongsi pandangan bersama ibu bapa dalam masa yang sama mereka tetap patuh dan menghormati setiap keputusan yang dibuat oleh ibu bapa. Di samping itu, bentuk komunikasi yang seimbang juga akan mewujudkan banyak perbincangan dalam keluarga bagi anak-anak menyatakan pendapat dan bebas bersuara. Keluarga yang mempunyai tahap sosioekonomi yang sederhana juga mengamalkan komunikasi orientasi perbualan dan orientasi keakuratan pada tahap tinggi dan mampu memilih pola komunikasi yang berkesan dalam mewujudkan kesejahteraan keluarga di Malaysia.

RUJUKAN

- Arvin, L. & Akmar Hayati, A.G. (2016). Perkaitan antara amalan gaya keibubapaan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia. *Malaysia Journal of Youth Studies*. Vo. 13: 235-244.
- Aziyah Abu Bakar. (2015). Komunikasi keluarga dan pengurusan konflik: dari persepektif remaja melayu. *Jurnal Komunikasi* 17:11-28.
- Aziyah Abu Bakar. (2016). Menerusi Analisis Faktor Pengesahan: Kajian Di Malaysia. *Forum Komunikasi*. 11(1):39-64
- Aziyah Abu Bakar, Asyraf Afthanorhan & Zainal Abidin. (2016). Penilaian model pola komunikasi keluarga menerusi analisis faktor pengesahan (AFP): kajian di malaysia. *Forum Komunikasi*. 11(1): 39-64
- Barnes, H. L. & Olson, D. H. (1985). Parent-adolescent communication and the circumplex model. *Child Development* 56: 438-447.
- Booth-Butterfield, M., & Sidelinger, R. (1998). The influence of family communication on the college-aged child: Openness, attitudes and actions about sex and alcohol. *Communication Quarterly* 46(3):295–308.
- Bronstein, P., (1994). Patterns of parent-child interaction in Mexican families: A cross cultural perspective. *International Journal of Behavioral Development* 17(3): 423-469.
- Chao, R. K. (2001). Extending research on the consequences of parenting style for Chinese Americans and European Americans. *Child Development*. 7(6): 1832- 1843.
- Che Hasniza. (2006). Hubungan keluarga dari aspek komunikasi dan gaya keibubapaan. *Jurnal Kemanusiaan*. 4(2):45-55.

- Che Hasniza & Fatimah Yussooff. (2011). Corak komunikasi keluarga dalam kalangan keluarga melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari* 3 (2) 45-62.
- Chua Yan Piaw. 2011. Kaedah Penyelidikan: Edisi Kedua. Mc Graw Hill Education, Selangor.
- Conger JJ & Peterson AC. (1998). Adolescence and Youth: Psychological Development in a Changing World. New York: Harper & Row Publishers.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2001). Research Methods in Education. Edisi ke-5. London: Routledge/Falm.
- Croasmun, J.T. & Ostrom, L. (2011). Using Likert-type scales in the social sciences. *Journal of Adult Education*. Vol: 40 (1): 19-22.
- Dumlao, R., & Botta, R.A. (2000). Family communication patterns and the conflict styles young adults use with their fathers. *Communication Quarterly*, 48. 174-189
- Fitzpatrick, M. (2002). Interpersonal communication in family relationships. In M. K. (Eds.), *Handbook of interpersonal communication* (3rd ed.,) (pp. 726-777). Thousand Oaks: Sage.
- Hamizah & Asbah Razali. (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibubapa dan anak-anak Universiti Malaya. *Jurnal Komunikasi Malaysian*. 35(4): 337-352
- Ignace. (2014). Assessment of Heads Of Schools' Strategies In Managing Conflicts In Secondary Schools: A Case Of Kinondoni Municipality. Thesis Sarjana University of Tanzania.
- Jackson C, Henriksen L, Foshee VA. (1998) The Authoritative Parenting Index: predicting health risk behaviors among children and adolescents. *Health Educ Behav*. Jun.25(3):319-37. doi: 10.1177/109019819802500307. PMID: 9615242.
- Keating, D. M. (2016). Conversation orientation and conformity orientation are inversely related: a meta-analysis. *Communication Research Reports* 33:195-206.
- Khadijah Alavi & Maizatul. (2017). Komunikasi berkesan dengan warga emas: dari perspektif intervensi kerja sosial. *Jurnal Komunikasi*. 33(4): 21-37
- Koerner, A. F, & Fitzpatrick, M.A. (2002). You never leave your family in a fight: The impact of family of origin on conflict-behavior in romantic relationships. *Communication Studies* 53:234-252.
- Koerner, A.F, & Cvancara, K.E. (2002). The influence of conformity orientation on communication patterns in family conversation. *The Journal of Family Communication*. Vol. 2(3):133-152.
- Koerner, A., & Fitzpatrick, M.A. (2002). Understanding family communication patterns and family functioning: The roles of conversation and conformity orientation. *Communication Yearbook*, 26 (1), 37-69.
- Koerner, A. F. (2006). Family communication patterns theory: A social cognitive approach. *Engaging theories in family communication*, 50-65.
- Koesten, J. & Anderson, K. (2004). Exploring the influence of family communication patterns, cognitive complexity, and interpersonal competence on adolescent risk behaviors. *Journal of Family Communication* 4:99-121.
- Narimah Ismail. 1994. Correlates of concept-oriented and socio-oriented family communication in two Malay communities: A comparative study. Unpublished Ph D. Dissertation. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Narimah Ismail, Siti Zobidah, Jusang Bolong, & Aziyah Abu Bakar. (2008). Amalan komunikasi keluarga dalam kalangan keluarga tani. Kertas Kerja dibentangkan di seminar Komunikasi Keluarga dan Penggunaan Komputer dalam Keluarga Tani di Malaysia. Serdang, UPM
- Nurhamizah Hashim & Asbah Razali. (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibubapa dan anak-anak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 35(4) 2019: 337-352.
- Noller, P. & Fitzpatrick, M.A. (1993). Communication in family relationships. New Jersey. USA: Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Norazlina, Raja Masittah & Jama'yah Zakaria. (2017). Gaya pengurusan konflik dan kesannya terhadap institusi kekeluargaan dalam novel saga. *Akademika* 87(2): 7-87
- Noraini Mohamad, Safinah Ismail & Nazneen Ismail. (2019). Peranan komunikasi ibu bapa terhadap proses bimbingan dan penyampaian maklumat kepada anak-anak. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Oban Sobandi, Novianti Dewi, (2017), Urgensi komunikasi dan interaksi dalam keluarga, jurusan pendidikan agama islam Fakultas Tarbiyah dan Keguruan UIN Sunan Gunung Djati Bandung, *Urgensi Komunikasi* 2(1):53-60
- Ritchie, L. & Fitzpatrick, M. (1990). Family communication patterns: Measuring intrapersonal perceptions of interpersonal relationships. *Communication Research*, 523-544.
- Russell, J. (2013). An initial investigation of difficult conversation in families from a multiple goals perspective. Orlando: National Communication Association.
- Safinah Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit, Zulkefli Aini, Nazneen Ismail & Noraini Mohamad. (2020). Cabaran komunikasi ibu bapa dalam keluarga muslim di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*. Bilangan 13, Isu 1, Halaman 67-77.

- Safinah Ismail, Muhammad Aufa Haziq , Nor Azman, Muhammad Aiman Syakir Aziz dan Mohamad Safarudin Rahim. (2020). Dakwah dan komunikasi interpersonal ibu bapa terhadap anak-anak. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASA5 2020). Online. 24 & 25 November 2020. e-ISBN: 978 967 2122 90 6.
- Shahriman Haron. (2020). Pendapatan dan perbelanjaan isi rumah M40 dan B40 mengikut negeri. *Jabatan Perangkaan Malaysia. DOSM_BPHPP_3-2020_Siri_28.*
- Syazwana Aziz, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni & Jamiah Manap. (2019). Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa Dan Religiositi. *Jurnal Sains Sosial Malaysia* 4 (1): 93- 101
- Syazwani Aniyah Manja Iylia Mohamad Hazhari Ismail Nurul Izzah Yusof. (2020). Covid-19: The investigation on the emotional parental burnout during movement control order in Malaysia. *European Journal of Molecular & Clinical Medicine*, 7(2), 4912-4929.
- Starfield, B., Bergner, M., Ensminger, M., Riley, A., Ryan, S., Green, B., McGauhey, P., Skinner, A., & Kim, S. (1993). Adolescent health status measurement: Development of the Child Health and Illness Profile. *Pediatrics*, 91, 430–435.
- Tarjani Sheth. (2017). Non-verbal communication: a significant aspect of proficient occupation. *Journal of Humanities and Social Science* 22(11):69-72
- Tri Indah. (2015). Komunikasi Verbal Dan Nonverbal Al-Irsyad: *Jurnal Pendidikan Dan Kaunseling* 6(2): 83-98.
- Zainudin Sharif & Norazmah Roslan. (2011). Faktor-Faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka
- Zhiwen, X, Xiaoming L., & Stanton, B. (2011). Perceptions Of Parent–Adolescent Communication Within Families: It Is A Matter Of Perspective. *Psychology, Health & Medicine* 16(1):53-65.